



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA SELASA, 23 JANUARI 2018**

- 1. AYAH TAK SABAR NAK PULANG – SH,37**
- 2. 6 MALAYSIAN FISHERMEN HELD IN INDONESIA TO RETURN HOME BY NEXT MONTH – THE MALAYSIAN INSIGHT, ONLINE**
- 3. MELAKA SASAR 200 HEKTAR TANAH BAGI TANAMAN JAUGUNG BIJIAN – SH, 17**
- 4. COFFEE BREAK: HARNESSING OUR GIFT OF FERTILITY- THE EDGE MARKETS, ONLINE**
- 5. APA SEBENARNYA BERLAKU DI PASAR TANI? – MY NEW SHUB, ONLINE**
- 6. PETANI PERLIS TERIMA BANTUAN BANJIR – BERITA WILAYAH, ONLINE**
- 7. 194 PESAWAH PERLIS TERIMA BANTUAN BENCANA BANJIR – BH, ONLINE**
- 8. JUALAN SENTUHAN RAKYAT RINGKANKAN BEBAN MASYARAKAT – SINAR, ONLINE**

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	SINAR HARIAN	DARI JOHOR, MELAKA & NEGERI SEMBILAN	37

# 'Ayah tak sabar nak pulang'

Nelayan ditahan di Penjara Tanjung Pinang, Indonesia luah hasrat mahu segera dibebaskan

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN - "Ayah tak sabar nak pulang" kata Nasarudin, 33, menceritakan perasaan bapanya, Mahabob Hasimat, 54, ketika dihubungi kira-kira seminggu yang lalu.

Nasarudin anak sulung kepada tekong bot, Mahabob, mengakui bapanya cukup sedih kerana sudah lebih tujuh bulan ditahan di Penjara Tanjung Pinang, Indonesia atas dakwaan mencerooboh perairan negara itu.

Katanya, biarpun terpisah agak lama namun bapanya sering berpesan supaya tidak bimbang dengan keadaan dirinya dan meminta anak-anak menjaga ibu, Besah Abu Bakar, 55.

Bagaimanapun, perasaan sedih yang menyelubungi keluarga Mahabob terubat dengan kunjungan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang menyatakan pembebasan nelayan akan dibuat dalam masa terdekat.

"Kunjungan menteri ke rumah kami sekeluarga di Kampung Pulau Sebatang ni begitu besar maknanya walaupun hanya sekejap.

"Syukur, menteri sampaikan khabar gembira ayah akan dibebaskan tak lama lagi. Kami juga diminta bersabar sebab proses pembebasan perlu ikut prosedur undang-undang, bukan perkara yang mudah," katanya.



Anak-anak Mahabob, dari kiri: Nurul Farahana, Nurul Farah Haida dan Nurul Farah Haiza bersama Besah sewaktu menerima kunjungan Ahmad Shabery.

Menurut Nasarudin, dia tidak sabar mahu memberitahu bapanya tentang khabar gembira tersebut, namun masih belum kesampaian disebabkan dia perlu mematuhi undang-undang untuk menghubungkan tahanan di sana.

"Setiap kali saya hubungi ayah, ayah mesti pesan tolong sampaikan pada menteri untuk bantu bebaskan dia segera.

"Tapi kelmarin impian tu dah jadi kenyataan. Saya yakin ayah akan gembira bila tahu apa yang menteri cakap pada kami sekeluarga," katanya.

Nasarudin berterima kasih atas sumbangan dihulurkan agensi dan

jabatan berkaitan sewaktu kunjungan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke rumahnya petang kelmarin.

Sementara itu, Besah berharap dia bersama enam anak berusia 33 hingga 21 tahun dapat disatukan semula dengan Mahabob dan menjalani kehidupan sepertimana keluarga lain.

Katanya, sejak Mahabob ditahan kehidupan mereka sekeluarga tidak lagi ceria.

"Anak-anak cukup bimbang dengan keadaan ayah mereka ditahan di penjara Indonesia.

"Makcik pula sampai demam fikirkan keadaan pakcik di sana.

Dalam usianya itu, pasti dia akan rasa tidak selesa duduk dalam penjara," katanya.

Besah turut berhasrat mengadakan kenduri doa selamat apabila suaminya pulang kelak sebagai tanda kesyukuran.

"Tarikh 31 Januari ini merupakan hari lahir pakcik. Sekiranya dapat dibebaskan awal, dapatlah kami sekeluarga meraikan hari lahir pakcik bersama-sama seluruh keluarga.

"Kami sekeluarga juga akan ada kami kenduri doa selamat," katanya.

## Tidak henti berdoa

Sementara itu, anak bongsu daripada enam beradik, Nurul Farah Haida, 21, menyimpan impian untuk meraikan hari lahir bapanya pada hujung bulan ini bersama seluruh ahli keluarga.

Dia yang mempunyai kembar, Nurul Farah Haiza, amat berharap bapanya dapat dibebaskan lebih awal dan pulang ke pangkuan keluarga sebelum tibanya tarikh yang cukup bermakna itu.

Katanya, dia tidak pernah berhenti berdoa bapanya segera dibebaskan selepas ditahan pihak berkuasa Indonesia.

"Selepas solat saya akan doa

**INFO** ● Berhasrat mengadakan kenduri doa selamat apabila Mahabob pulang kelak sebagai tanda kesyukuran

agar ayah cepat balik, saya sangat rindukan ayah.

"Saya sangat berharap agar kami sekeluarga dapat berkumpul bersama ayah untuk meraikan hari lahirmya yang ke-56 pada 31 Januari ini," katanya.

Menurutnya, dia sekeluarga lega selepas mendengar penjelasan Ahmad Shabery berhubung pembebasan Mahabob bersama lima lagi nelayan Malaysia yang ditahan di Indonesia dalam lawatan ke rumahnya kelmarin.

"Walaupun lawatan ini singkat tetapi menteri telah berikan kami sekeluarga khabar gembira.

"Saya dan anak-anak tak sabar nak tunggu kepulangan ayah nanti," katanya.

Jelasnya, adik-beradiknya yang lain juga sanggup pulang dari Kuala Lumpur, untuk mendengar sendiri penjelasan menteri yang datang melawat mereka sekeluarga.



MAHABOB

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	THE MALAYSIAN INSIGHT		ONLINE

## 6 Malaysian fishermen held in Indonesia to return home by next month



• More

Ahmad Shabery Cheek says the expenses incurred to bring home six Malaysian fishermen being held in Indonesia for encroaching on the republic's territorial waters will be covered by the Malaysian Fisheries Development Board. – The Malaysian Insight file pic, January 23, 2018.

SIX Malaysian fishermen, who were detained in Indonesia for encroaching on the republic's territorial waters, are expected to be freed by the middle of next month.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Ahmad Shabery Cheek said their release would take some time due to the legal processes involved.

"Indonesian authorities have given an assurance that the fishermen will be released either this month or by mid-February," he said when visiting the family of one of the fishermen in Kg Pulai Sebatang, Pontian, yesterday.

He said all expenses incurred to bring the fishermen home would be covered by the Malaysian Fisheries Development Board, and that the government would continue to monitor the process to ensure the fishermen's safe return.

Besah Abu Bakar, 57, the wife of one of the fishermen, Mahabob Hasimat, 55, said she was relieved to hear that her husband would finally be released.

She said Mahabob, who is being detained at the Tanjung Pinang prison, was supposed to be released on January 11.

The agreement to release the fishermen was reached following a meeting between Prime Minister Najib Razak and Indonesian President Joko Widodo at the 12th Malaysia-Indonesia Annual Leaders' Consultation in Kuching, Sarawak, in November last year.

The other five detained are Low Siong Huat, 59; Chua Kee Chan, 63; Leong Bian Seng, 61; Abdul Rashid Nik, 53; and, Kamaruzaman Awi, 47.

They are being held in different places. – Bernama, January 22, 2018.

Headline	Melaka sasar 200 hektar tanah bagi tanaman jagung bijian		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka and Negeri Sembilan)		
Date	23 Jan 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	211 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,434



## Melaka sasar 200 hektar tanah bagi tanaman jagung bijian

MELAKA - Kerajaan negeri men-sasarkan 200 hektar tanah di negeri ini bagi tanaman jagung bijian.

Sasaran turut meliputi hasil pengeluaran yang dijangka men-cecah 120,000 tan metrik bagi se-tiap empat bulan dalam tempoh 12 bulan dari sekarang.

Exco Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Abd Rahman, berkata pelaksanaan projek itu turut ber-tujuan menyahut seruan kerajaan mengurangkan kebergantungan

negara kepada import hasil tanam-an itu bagi makanan ternakan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperkenalkan Pelan Pembangunan Jagung bijian bermula 2016 - 2020 ber-ikutan daripada kadar import ja-gung bijian yang mencapai 4 juta tan metrik dengan nilai RM3.1 bilion setahun dengan kadar ke-bergantungan import hampir 100 peratus.

"Malaysia berpotensi untuk mengeluarkan jagung bijian ke-rana mempunyai tanah dan iklim yang sesuai sepanjang tahun serta corak pasaran yang terjamin.

"Malah, secara tak langsung dapat meningkatkan pendapatan

petani dengan memaksimumkan penggunaan tanah serta menjamin keselamatan makanan ternakan dalam negara," katanya selepas merasmikan program Penuaian Jagung Bijian Melaka di Kampung Gapam, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Rusdan Abdul Talib.

Melaka melalui Jabatan Pertanian negeri merupakan an-tara negeri terawal selain Perlis, Perak, Johor dan Pulau Pinang yang memulakan projek perintis tanaman jagung bijian di Kampung Gapam berkeluasan 13 hektar yang diusahakan usahawan, Lee Nyan Hin.

**Hasan mengendalikan jentera tuai sebagai simbolik majlis perasmian program Penuaian Jagung Bijian Melaka di Kampung Gapam, semalam.**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	THE EDGE MARKETS		ONLINE

## Coffee Break: Harnessing our gift of fertility

Last week, our panda guests Liang Liang and Xing Xing had another naturally conceived cub. That's the second in four years — a world record.

And that may not be the only world record they've set here. Back in 2015, they mated for 20 minutes, an unusually long session, according to our local panda experts.

Let's take a moment to respect the commitment and professionalism it must take to vigilantly keep the time as the pandas get down to business in front of you.

It's amazing how well the pandas breed in Malaysia. Really, China should be paying us by now to breed their pandas.

If anything, it just shows that baby-making is a neglected gift we have as a nation. Hence, we want to promote the country as Asia's leading fertility and cardiology hub, according to the prime minister last October.

If you're scratching your head as to why, the reason is we're pretty good at making babies. Our IVF success rate is 66%, compared with the global average of 50% thereabouts, according to the Malaysian Healthcare Travel Council.

And that is before we tap into what could be a biological aphrodisiac growing out of our lush land: durians.

Yes, durians. Agriculture Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek told Parliament last week that the government wants to verify the claim that durians really do have those properties.

We don't know yet if public money is going into such studies. Or how the researchers might choose to undertake the physical testing of their hypotheses.

Naturally, the documentation of the human trials could be quite revealing once concluded.

So we'll have to wait and see on this one.

But for the optimistic, you don't have to hold your breath on this question because the signs could already be pointing towards a big yes.

Of course, we all know how Karex turned durian-flavoured condoms into a best-selling product in Indonesia and the jury is still out on whether its nasi lemak condom will be a similar hit.

But that aside, there is already some very serious scientific endeavour going on in investigating durians and their aphrodisiac qualities.

A study that looked at how durians affect infertile men, published in the World Journal of Pharmaceutical Research last year, found that eating the fruit boosts sperm count and motility, thus improving the chances of successful in vitro fertilisation (IVF).

Another study in the Journal of Integrative Medicine (2016) reports that a durian diet could help women with fertility issues caused by abnormally high production of male hormones (called polycystic ovary syndrome), but says further data is necessary to confirm this.

In a nutshell, there could be something in this claim. And clearly this is something worth putting some funds in given the alluring potential gains.

If durian really does help us be more amorous, there is an opportunity for us to make a tourism play to leverage our all-natural assets.

Imagine, for a moment, that a government-backed study affirms the durian's aphrodisiac qualities tomorrow.

Demand would immediately skyrocket, especially among the millions of Chinese couples looking to have more kids since the country scrapped its one-child policy. Imagine how much higher durian prices might go from where they are now.

Now that's a titillating prospect for our farmers and our exports could shoot up some more. Plus, we can develop a new industry around durian supplements, therapy, spa ... the list goes on.

Plus, it gives people an additional option if they would rather not head to our shores for IVF treatment: we could just ship the durians to them.

This alone is a low-hanging fruit worth grabbing, considering the happy benefits that could come out of it. And I call dibs on this tourism tagline: "Happy endings, home or abroad."



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	My New Shub		Online



## Apa Sebenarnya Berlaku Di Pasar Tani?

**AGAK mengejutkan apabila wujud pegawai atau petugas yang melarang kru televisyen membuat liputan harga barangan di pasar tani.**

Satu yang di luar jangkaan apabila kru yang mahu mengadakan siaran langsung mengenai harga barangan basah diminta meninggalkan lokasi.

**“Nak buat liputan kena minta kebenaran bertulis,”** kata pegawai bertugas.

Persoalannya: Pasar tani kawasan awam yang ada kepentingan awam. Media massa pula penyambung maklumat antara prasarana anjuran kerajaan ini dengan orang-ramai. Jadi mengapa dilarang dan penuh syarat?

Pasar besar sekitar Kuala Lumpur selama ini benas dimasuki media massa yang bertujuan membuat liputan mengenai harga barang.

Apakah siaran langsung penyiaran harga barangan basah dan keperluan pengguna yang disiarkan selama ini menimbulkan ketakutan kepada penyelia peniaga pasar tani?

Atau apakah wujud kartel yang menguasai manipulasi harga barangan basah yang tidak mahu kadar harga barangan di pasar tani diumumkan setiap hari melalui siaran langsung televisyen?

Memang kita terperanjat apabila harga kembung yang dianggap ikan rakyat selama berdekad-dekad kini mencecah harga antara RM18 hingga RM22 sekilo?

Di pasar tani harga ayam diproses RM8 sekilo. Lagi teruk di pasar Taman Tun Dr. Ismail yang harganya RM9 sekilo.

Di Pasar Seri Kembangan hanya RM7 sekilo. Semua ini dalam sekitar radius 25 kilometer. Namun, harganya jauh berbeza antara satu sama lain. Pasar tani pula tidak semurah disangka.

Ikan kembong lagi teruk ceritanya. Ikan yang sekian lama menjadi simbol ikan mampu beli rakyat bawahan, kini sudah melangkaui harga sepatutnya.

Malah, isu harga ikan kembung melambung melepasi paras munasabah, sudah berlarutan sekian lama. Keadaan jadi lebih mengejutkan apabila inilah kadar harga yang turut ditawarkan peniaga di pasar tani.

Seperti ada yang tidak kena di pasar tani. Sudahlah mahal, dan bertambah aneh apabila ada larangan menghadkan akses media utk membuat laporan terbuka secara langsung.

Apa yang ditakutkan?

Kementerian Pertanian dan FAMA harus menyiasat semua kejahatan ini. Pasar Tani aset kerajaan! -MYNEWSHUB.CC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	BERITA WILAYAH		ONLINE

### **Petani Perlis Terima Bantuan Banjir**

ARAU, 22 Jan (Bernama) -- Bagi meringankan beban 194 petani di Perlis yang kerugian setelah tanaman padi mereka dilanda banjir baru-baru ini, kerajaan negeri menyampaikan bantuan berjumlah RM107,989 menerusi Tabung Bencana Padi (TBP).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Ahmad Bakri Ali berkata sumbangan berkenaan adalah sebagai tanda keprihatinan kerajaan dalam membantu meringankan beban para petani dalam enam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang dilanda bencana itu.

"Ini bukanlah ganti rugi kepada petani berikutan banjir tetapi suatu bantuan untuk meringankan beban mereka," katanya pada majlis penyampaian bantuan itu di Padang Siding dekat sini, hari ini.

Beliau berkata purata kerugian yang ditanggung petani terbabit adalah kira-kira RM1,800 sehektar dan bantuan penanaman semula padi diberikan sebanyak RM876 sehektar (maksimum tiga hektar untuk setiap petani).

Ahmad Bakri berkata kerajaan negeri juga menerima peruntukan bantuan bagi kawasan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan ia akan diserahkan kepada petani terbabit pada Februari ini.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	BH ONLINE		



PENGERUSI Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, Ahmad Bakri Ali, (tengah) menyampaikan bantuan bencana banjir tanaman padi kepada ahli peladang ketika Majlis Penyampaian Bantuan Bencana Banjir Tanaman Padi kepada Ahli-ahli Peladang di Dewan Peladang, Pertubuhan Peladang, Padang Siding, Pauh. - Foto Azhar Ramli

## 194 pesawah Perlis terima bantuan bencana banjir

ARAU: Beban 194 pesawah yang terjejas apabila tanaman masing-masing rosak akibat banjir yang melanda beberapa lokasi di Perlis tahun lalu, sedikit terubat selepas masing-masing menerima bantuan keseluruhan berjumlah RM179,089.

Bantuan itu disalurkan kepada pesawah yang juga ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) membabitkan kawasan Padang Siding, Paya, Bintong, Beseri, Utan Aji dan Titi Tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Bioteknologi dan Teknologi Hijau, Pembangunan Usahawan serta Industri Kecil dan Sederhana negeri, Ahmad Bakri Ali, berkata jumlah bantuan disalurkan berdasarkan keluasan tanaman masing-masing yang terjejas, dengan maksimum 3 ekar (1.2 hektar) setiap seorang pada kadar RM1,800 bagi setiap ekar.

Selain bantuan itu, katanya pesawah terbabit turut menerima bantuan tanaman semula sebanyak RM876 bagi setiap ekar agar dapat meringankan sedikit beban ditanggung selepas tanaman mereka musnah akibat banjir tahu lalu.

"Walaupun bantuan diberikan bukanlah sebagai ganti rugi kerosakan yang berlaku, pesawah dan petani harusnya tidak patah semangat dan meneruskan usaha mereka menghasilkan tanaman padi yang berkualiti kerana tanpa mereka tidak akan ada bekalan padi yang cukup untuk penduduk setempat khususnya di Perlis.

"Justeru pesawah harus meneruskan usaha mereka menghasilkan tuaian padi berkualiti dan memastikan kuantiti juga memuaskan supaya bekalan makanan utama penduduk negara ini itu tidak akan terjejas di masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan penyampaian bantuan bencana banjir tanaman padi kepada ahli peladang di PPK Padang Siding, dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perlis, Shaidan Nordin serta Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Perlis, Datuk Tengku Aziz Tengku Jaafar.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Bakri menasihatkan pesawah supaya hanya menggunakan benih padi yang disyorkan termasuk jenis Siraj memandangkan benih terbabit amat sesuai untuk ditanam di negeri ini berdasarkan cuaca dan juga kandungan mineral dalam tanah.

"Penggunaan benih padi dicadangkan pihak pertanian boleh meningkatkan kuantiti dan kualiti padi dan mengurangkan kerosakan termasuk kejadian padi angin yang melanda beberapa kawasan di sini baru-baru ini.

"Ini kerana kajian dibuat mendapati benih padi terbabit boleh menghasilkan pulangan sekitar 7.2 metrik tan bagi setiap hektar sekiranya tanaman diusahakan dengan baik termasuk proses membaja dan meracun mengikut jadual disediakan," katanya.

Beliau pada masa sama mengesahkan sejumlah 13,500 individu sudah mendaftar dengan PPK di negeri ini dan ia turut membabitkan majoriti pesawah yang mengusahakan tanaman padi di negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2018	SINAR ONLINE		

## Jualan sentuhan rakyat ringankan beban masyarakat

---



*Ahmad melayan pengunjung yang menyokong program jualan sentuhan rakyat.*

JASIN - Jualan Sentuhan Rakyat Parlimen Jasin mendapat sambutan menggalakkan.

Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, dia tidak menyangka program berkenaan mendapat respon baik daripada masyarakat setempat.

"Kita rancang program ini dua hari lalu dan promosi mengenainya tidaklah meluas kerana masa yang singkat. Tetapi kehadiran lebih 1000 komuniti hari ini membuktikan mereka menyambut baik pendekatan dijalankan.

"Lebih-lebih lagi apabila harga ditawarkan sangat berbeza daripada harga jualan di kedai runcit, pasar malam mahupun di pasaraya berdekatan," katanya kepada Sinar Harian petang semalam.

Jelas Ahmad, penganjuran program itu akan diteruskan daripada semasa ke semasa.

"Harga berpatutan membantu rakyat meringankan bebanan mereka. Justeru, kita akan cuba melaksanakan yang terbaik menerusi Jualan Sentuhan Rakyat yang akan diadakan lagi pada 26 Januari ini di Stadium Jasin.

"Kita akan pelbagaikan barangan jualan selain menyediakan tempat lebih luas dan selesa kepada pengunjung nanti," katanya.

Menerusi jualan tersebut, pelbagai barangan dijual termasuklah beras, ayam segar, bawang, ikan segar, telur dan 4000 paket minyak masak.

Ahmad berterima kasih kepada peniaga yang terlibat dalam program anjurannya.

"Mereka sanggup mengurangkan harga bagi merealisasikan program ini. Saya harap lebih ramai peniaga akan terlibat dalam penganjuran sebegini," katanya.